

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP
(SEKIJANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 02.11.2017

Y.B. TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP [SEKIJANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah jangkaan prospek pelan perniagaan Malaysia Airlines Berhad (MAB) lantaran keputusan syarikat tersebut untuk membeli 16 pesawat Boeing bagi memantapkan operasi syarikat tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelan Pemulihan MAS (PPM) yang sedang dilaksanakan oleh Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) mulai 29 Ogos 2014 memberi tumpuan kepada 12 bidang utama meliputi proses Tadbir dan Rangka Kerja Kewangan, Model

Operasi Perniagaan, Kepimpinan dan Modal Insan serta Pengawalseliaan. Selaras dengan rangka kerja di bawah PPM, Malaysia Airlines Bhd (MAB) akan mengembangkan operasinya khususnya bagi penerbangan antarabangsa yang memerlukan tambahan pesawat yang lebih luas (*wide-body*) antaranya melalui penggunaan pesawat Boeing 787-9 yang bersifat *flexible* di mana ia berupaya melakukan penerbangan jarak jauh di antara 5 hingga 7 jam atau 7 hingga 13 jam.

Tuan Yang di-Pertua,

Keputusan untuk membeli tambahan pesawat yang lebih luas (*wide-body*) diperlukan selaras dengan perancangan pengembangan operasi ke laluan-laluan baharu di Eropah dan beberapa destinasi di Amerika Syarikat. Penggunaan pesawat-pesawat baharu seperti Boeing 737 MAX 10 dan Boeing 787-9 akan dapat menjimatkan kos operasi syarikat kerana pesawat-pesawat berkenaan mempunyai kecanggihan dari segi teknologi dengan ciri-ciri terkini dan amat efisien dalam penggunaan minyak dan bahan api. Penggunaan pesawat jenis baharu ini akan membolehkan MAB bersaing dengan lebih kompetitif dengan syarikat-syarikat penerbangan yang lain terutamanya dari segi kos penerbangan. Walau bagaimanapun,

cadangan pembelian 16 buah pesawat tambahan daripada pihak Boeing ini masih memerlukan rundingan lanjut sebelum sebarang keputusan dimuktamadkan di antara kedua-dua pihak.